

Berita Manmin

NO. I8 12 FEBRUARI 2023



'Ibadat Tahun Baru 2023' yang diadakan dari pukul 10:00 malam pada 31 Disember 2022 disiarkan secara langsung melalui GCN dan Internet. Anggota Manmin dari seluruh dunia menyertainya. Pada bahagian pertama ibadat, Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, menyampaikan khutbah. Pada bahagian kedua selepas doa untuk semua anggota, kita memberi kemuliaan kepada Tuhan Yang Maha Memberkati melalui pujian, muzik dan tarian sembah yang disediakan oleh Jawatankuasa Seni Persembahan.

"Tuhan Menepati Firman Janji"

Perhimpunan Agung & Pengisytiharan 4 Tajuk Doa Utama Gereja Kita pada Tahun 2023

Menjelang tahun 2023 yang kita tunggu-tunggu, Perhimpunan Agung telah diadakan secara dalam talian selepas Ibadat Petang Ahad yang terakhir pada tahun 2022. Bagi pihak Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee, Dr. Soojin Lee selaku Pemangku Pastor Kanan membaca ucapan salam beliau dan mengisyiharkan 4 tajuk doa utama bagi gereja kita yang akan didoakan oleh semua anggota pada tahun 2023 dan mencapainya dengan penuh semangat.

Visi 1: Yakin dan Berani (Yosua 1:6-8)

Yosua 1:6-8 menyatakan, "Hendaklah engkau yakin dan berani, kerana engkau akan menjadi pemimpin umat ini apabila mereka menakluki tanah yang Kujanjikan kepada nenek moyang mereka. Hendaklah engkau yakin dan berani, dan pastikanlah supaya engkau mentaati seluruh Taurat yang diberikan oleh hamba-Ku, Musa kepadamu. Jangan lalaikan mana-mana bahagian Taurat itu, supaya engkau berjaya ke mana pun engkau pergi. Pastikanlah supaya Kitab Taurat sentiasa dibacakan kepada umat-Ku semasa kamu beribadat. Kajilah kitab itu siang dan malam; pastikanlah supaya engkau mentaati segala yang tertulis di dalamnya. Dengan demikian engkau akan makmur dan berjaya."

Ini merupakan janji Tuhan. Apabila kita hidup dalam cahaya, kita menjadi kuat dan berani. Oleh itu, Si Jahat tidak dapat mengganggu kita, dan kita dapat menerima jawapan bagi apa-apa yang kita minta daripada Tuhan. Dengan kata lain, selagi kita mengamalkan Firman Tuhan dan mencapai penyucian hati kita, kita dapat sentiasa menikmati kedamaian dan kemakmuran. Selain itu, apabila kita menghadapi Si Jahat dan Iblis, kita dapat mengalahkannya tanpa

rasa takut. dan dalam zaman kegelapan rohani, kita dapat membawa tidak terkira banyaknya jiwa kepada keselamatan dan mendedahkan kemuliaan Tuhan.

Pada tahun baru, saya berdoa agar semua anggota Manmin akan menjadi pahlawan rohani yang lebih kuat dan lebih berani, menikmati semua berkat yang dijanjikan, dan menyempurnakan kerajaan Tuhan dengan jayanya.

Visi 2: Mencapai Syurga dengan Kekuatan (Matius 11:12)

Matius 11:12 menyatakan, "Sejak Yohanes Pembaptis menghabarkan beritanya sehingga saat ini, Pemerintahan Allah telah dilawan oleh orang ganas yang berusaha menguasainya dengan kekerasan". Hal ini bermaksud bahawa anak-anak Tuhan akan memasuki Syurga yang lebih baik apabila iman mereka bertumbuh dengan memenangi pertempuran rohani melawan Si Jahat dan Iblis.

Si Jahat dan Iblis cuba menarik perhatian orang untuk melakukan dosa dan menghalang perlumbaan rohani tetapi orang yang mendambakan Syurga harus menggunakan sebagai peluang untuk mencapai syurga yang lebih baik. Kita harus berdiri teguh atas firman kebenaran dan tidak goyah. Kita harus menunjukkan dengan jelas kepada Si Jahat dan Iblis bahawa kita layak untuk memasuki syurga yang lebih baik dengan bertindak hanya dalam kebaikan dan kasih. Selain itu, kita harus dapat mengawal diri kita dalam segala hal, memandang kemuliaan yang akan kita nikmati di syurga pada masa hadapan (1 Korintus 9:25).

Oleh itu, saya berharap agar anda bukan sahaja melawan dosa sehingga menumpahkan darah malah mencari kemuliaan Tuhan

tidak kira apa yang anda makan, minum atau apa-apa sahaja yang anda lakukan untuk mencapai syurga yang terbaik, iaitu Yerusalem Baru, dengan kekuatan.

Visi 3. Hati – Gereja (Roma 13:10)

Roma 13:10 menyatakan, "Orang yang mengasihi orang lain, tidak akan berbuat jahat kepada orang itu. Oleh itu orang yang mengasihi sesama manusia, mentaati keseluruhan Taurat." Atas sebab kasih, Yesus dilahirkan di bumi ini, dan segala-gala yang dilakukan-Nya di bumi ini ialah kasih. Dia hanya melakukan dan mengajar kebaikan dan kebenaran, dan Dia memenuhi Hukum dengan kasih dengan mati di atas kayu salib. Tuhan mahu hati kita menjadi suci dengan menyerupai Tuhan Yesus yang telah memenuhi Hukum dengan kasih kerana Dia mahu tempat kediaman-Nya dibina melalui anak-anak-Nya yang telah disucikan dengan mematuhi perintah demi kasih kepada Tuhan dengan segenap hati mereka. Lebih-lebih lagi, Gereja Besar yang merupakan simbol kemenangan dalam pemupukan manusia hanya dapat dicapai oleh anak-anak Tuhan yang mempunyai hati yang tulus dan iman yang sempurna. 1 Korintus 3:16 menyatakan, "Tentu kamu tahu bahawa kamu tempat kediaman Allah, kerana Roh Allah tinggal di dalam kamu!" Maksudnya, kita ialah tempat kediaman Tuhan, dan Tuhan tinggal di dalam kita.

Oleh itu, melebihi segala-galanya, apabila kita menyucikan hati kita,

berkat daripada gereja yang tidak kelihatan akan dipercepat malahan dasar rohani untuk pembinaan Gereja Besar akan terbentang.

Visi 4. Kuasa Penciptaan Semula 100% (Yohanes 14:11-12)

Kuasa penciptaan semula ialah kuasa yang menunjukkan karya penciptaan semula. Karya penciptaan semula ialah karya yang mengubah, memulihkan dan memperbaharu ciptaan yang telah dicipta.

Dengan kuasa penciptaan semula, bencana alam dapat dielakkan, dan kerosakan dapat diminimumkan. Dengan kuasa penciptaan semula, sel dan tisu yang mati atau rosak bukan sahaja dapat diciptakan semula malahan kromosom yang berada di dalam nukleus sel juga dapat diciptakan semula. Selain itu, Tuhan dapat memperbaharu hati yang tercemar dan jahat menjadi hati roh dan hati yang baik.

Dalam generasi yang berdosa dan korup pada hari ini, ramai orang tidak mahu percaya walaupun selepas menyaksikan karya Tuhan. Oleh itu, saya pasti akan memenuhi kuasa penciptaan semula 100% dan membawa jiwa yang tidak terkira banyaknya ke jalan keselamatan, ke Yerusalem Baru, dengan memberi kesaksian tentang satu-satunya Tuhan dan Yesus Kristus kepada seluruh dunia. Saya berharap ramai pastor dan pekerja kuasa dalam kalangan anda akan keluar dan memenuhi ketentuan akhir zaman ini bersama-sama.

Pada bulan Oktober 2022, saya duduk seketika di atas kerusi di tepi jalan. Apabila saya bangun, lutut kiri saya terasa dicucuk-cucuk lalu saya terjatuh kerana tidak cukup kekuatan. Dengan bantuan seorang kenalan yang bersama saya pada ketika itu, dengan susah-payah saya pulang ke rumah.

Sekalipun di rumah, saya tidak dapat berjalan sendiri tanpa bergantung pada sesuatu. Apabila saya menjalani pemeriksaan di hospital pada keesokan harinya, doktor berkata, "Nampaknya ligamen lutut kamu telah terkoyak akibat usia tua kamu, dan sukar untuk disembuhkan." Selepas itu, saya terpaksa duduk di atas kerusi beroda di rumah.

Melalui kaunseling pastor paroki saya, saya sedar bahawa saya perlu menyingkirkan sikap panas paran dan marah. Saya bertaubat kerana saya tidak dapat melayani suami saya dengan sepenuh hati saya tetapi berasa marah dan jengkel terhadapnya walaupun secara luarannya saya kelihatan melayaninya dengan baik. Sebenarnya, suami saya tercedera pada bahagian belakangnya kira-kira satu tahun yang lalu dan saya perlu membuang air kencing dan najisnya.

Pada 19 November, pemimpin sel saya

"Saya dapat berjalan sendiri dengan baik setelah sembuh daripada sakit ligamen pada lutut kiri saya"

Diaken Hyeonsoon Song
(Usia 80, Paroki Cina)



meminta saya untuk menerima rakaman doa Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee untuk orang sakit sebanyak 7 kali dalam sehari. Oleh itu, saya menerima doa Pastor Kanan sebanyak 7 kali dalam sehari. Kemudian, secara mengejutkan, kaki saya mendapat kekuatan sedikit demi sedikit.

Saya berasa sangat gembira kerana merasakan bahawa Tuhan sedang

menyembuhkan saya. Oleh itu, saya semakin mendambakan Perjumpaan Kesembuhan Ilahi. Bermula 21 November, saya menghadiri Perjumpaan Doa dalam Talian untuk Orang Sakit' yang dipimpin oleh Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin pada setiap hari Isnin. Bermula dari hari itu, saya berpuasa sekali sehari dan menghadiri Perjumpaan Doa Nazar Daniel. Saya berdoa dengan bersungguh-sungguh untuk kesembuhan.

Pada 25 November, saya menerima doa untuk orang sakit dengan iman melalui Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi. Lutut saya terasa sejuk. Saya yakin bahawa saya telah sembuh. Selepas doa, saya menggerakkan kaki saya tetapi langsung tiada rasa sakit. Lutut kiri saya juga mendapat kekuatan, jadi saya dapat bangun dan berjalan dengan selesa. Halleluyah!

Saya sangat bersyukur dan gembira kerana kini saya dapat berjalan sendiri tanpa bergantung pada apa-apa dan dapat keluar tanpa apa-apa masalah. Saya memberi segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang menyembuhkan saya sehingga saya dapat kekal sihat walaupun pada usia 80 tahun.



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Sejurus sebelum Yesus menghembuskan nafas terakhir-Nya di atas kayu salib, dengan segenap kekuatan-Nya yang tersisa, Yesus meninggalkan beberapa ayat terakhir. Ayat-ayat ini dikenali sebagai "Tujuh Ayat Terakhir di atas Kayu Salib." Bersambung daripada edisi yang lalu, marilah kita meneliti ayat ketiga Yesus di atas kayu salib.

1. Ayat Ketiga, "Puan, dia anak puan."

Yohanes 19:26 menyatakan, "Yesus nampak ibu-Nya dan pengikut yang dikasihi-Nya berdiri di situ. Oleh itu, Yesus berkata kepada ibu-Nya, 'Puan, dia anak puan.'" Di sini, "anak puan" merujuk kepada pengikut yang dikasihi Yesus iaitu Yohanes. Yesus meminta Anak Dara Maria untuk menganggap Yohanes sebagai anaknya sendiri.

Mengapakah Yesus berkata, "Puan, dia anak puan"? Satu perkara yang perlu diberi perhatian di sini ialah fakta bahawa Yesus memanggil Anak Dara Maria "puan." Alkitab tidak pernah mencatatkan contoh di mana Yesus memanggil Anak Dara Maria sebagai "ibu".

Istilah "ibu" dalam Kitab Yohanes digunakan dari perspektif pengarangnya, Yohanes dan bukan dari perspektif Yesus. Dalam Yohanes 2 ada adegan di mana Yesus menukar air kepada wain dan sekali lagi di sini Yesus memanggil Anak Dara Maria "puan". Ini kerana Anak Dara Maria tidak dapat menjadi ibu Yesus. Bagaimanakah mungkin Anak Dara Maria dapat menjadi ibu kepada Yesus yang setara dengan Tuhan (Filipi 2:6) dan merupakan Tuhan Anak dari antara Tuhan Triniti?

Tuhan adalah dari selama-lamanya hingga selama-lamanya dan merupakan "Aku adalah AKU" (keluaran 3:14); tidak ada yang melahirkan-Nya atau membentukkan-Nya. Oleh itu, Yesus yang "dalam rupa Tuhan" tidak dapat memanggil Anak Dara Maria, yang merupakan makhluk semata-mata, sebagai "Ibu". Selain itu, Anak Dara Maria tidak dapat menjadi ibu Yesus walaupun dari sudut biologi. Manusia dikandung melalui gabungan sperma dan ovum. Namun begitu, Yesus dikandung oleh Roh Kudus.

Pesanan Salib (18)

Tujuh Ayat Terakhir Yesus di atas Kayu Salib (2)

"Yesus nampak ibu-Nya dan pengikut yang dikasihi-Nya berdiri di situ. Oleh itu, Yesus berkata kepada ibu-Nya, 'Puan, dia anak puan.' Kemudian Yesus berkata kepada pengikut itu, 'Dia ibumu.' Sejak itu, ibu Yesus tinggal di rumah pengikut itu" (Yohanes 19:26-27).

Jika seorang anak dilahirkan melalui peranakan beradas, adakah wanita yang melahirkan anak itu ialah "ibu"nya? Jika anak itu menghabiskan suatu tempoh di dalam inkubator, adakah dia perlu memanggil inkubator itu "ibu"? Begitu juga, Yesus tidak memanggil Anak Dara Maria "ibu" hanya kerana Dia berada di dalam rahimnya sebelum dilahirkan. Tuhan tidak akan berasa senang hati sekiranya manusia menganggap atau memperlakukan Anak Dara Maria sebagai ibu Yesus dan menyembahnya sama seperti mereka menyembah berhala.

Sebagaimana yang diberitahu Tuhan dalam Keluaran 20:3-4, "Jangan sembah tuhan-tuhan lain; sembahlah Aku sahaja. Jangan buat patung bagi diri kamu, patung yang menyerupai apa-apa...", kita tidak boleh membuat, melayani atau menyembah berhala daripada apa-apa makhluk.

Kata-kata Yesus, "Puan, dia anak puan" bertujuan untuk menghiburkan Anak Dara Maria. Semasa dia menyaksikan Yesus yang dikasihinya menanggung penderitaan yang tidak terkata, Anak Dara Maria juga menanggung kesakitan dan kesedihan yang menyayat hati. Yesus yang begitu prihatin mengingati Anak Dara Maria walaupun pada saat-saat terakhir kehidupan-Nya. Dia menyuruhnya untuk bergantung hidup kepada pengikut-Nya, Yohanes dengan menganggap Yohanes sebagai anaknya sendiri.

2. "Dia ibumu."

Selanjutnya, Yohanes 19:27 menyatakan, "Kemudian Yesus berkata kepada pengikut itu, 'Dia ibumu.' Sejak itu, ibu Yesus tinggal di rumah pengikut itu." Sejak itu, seperti yang dinyatakan dalam Alkitab, Yohanes membawa Anak Dara Maria ke rumahnya dan melayaninya seperti ibunya sendiri. Selepas melahirkan Yesus sebagai anak dara, Maria melahirkan beberapa orang anak lagi dengan suaminya, Yusuf. Walau bagaimanapun, Yesus tidak meminta anak-anak Maria dan Yusuf untuk menjaganya tetapi mempercayakan tugas ini kepada pengikut-Nya, Yohanes.

Apakah yang harus kita sedari dengan jelas daripada

perkara ini? Alkitab memberitahu kita dalam Filipi 3:20, "Tetapi kewarganegaraan kita di syurga. Dengan penuh harapan kita menanti-nantikan kedatangan Penyelamat kita, Tuhan Yesus Kristus dari syurga." Anak-anak Tuhan yang telah menerima keselamatan tergolong dalam syurga. Anak-anak Tuhan iaitu semua orang yang telah menerima Tuhan Yesus dan yang nama mereka tercatat dalam Kitab Orang Hidup, membentuk keluarga rohani yang melayani Tuhan sebagai Bapa mereka.

Tuhan merupakan sumber kehidupan. Walaupun setiap daripada kita dilahirkan oleh ibu bapa kandung kita, sperma dan ovum ibu bapa kita diberikan oleh Tuhan kepada mereka. Apabila kita menelusuri salasilah kita, kita hanya mendapati bahawa nenek moyang semua manusia iaitu Adam juga berasal daripada Tuhan. Tuhan secara peribadi membentukkan tubuh Adam dan menghembuskan nafas kehidupan ke dalam lubang hidungnya, oleh itu kehidupan kita juga adalah daripada Tuhan. Walaupun seorang lelaki dan seorang wanita berkahwin, mereka tidak dapat mengandungkan anak tanpa izin Tuhan kerana kuasa untuk memberikan roh kepada anak yang dikandung itu juga daripada Tuhan.

Apabila sains dan teknologi telah berkembang ke tahap yang belum pernah berlaku sebelumnya, kontroversi mengenai pengklonan manusia telah berkembang tetapi tiada manusia yang mampu untuk menciptakan rohnya sendiri. Manusia mungkin dapat menghasilkan tubuh semula tetapi memandangkan tubuh yang diciptakan semula itu akan kekurangan roh, ciptaan itu tidak ada bezanya dengan haiwan dan tidak dapat dianggap sebagai manusia. Tambahan pula, jantina, ciri-ciri, penampilan luaran dan sifat-sifat lain bagi anak yang dikandungkan juga di luar kawalan ibu bapa.

Hakikat yang tidak dapat disangkal adalah bahawa Tuhan sahaja yang mengawal kehidupan manusia. Hanya Tuhan yang memberikan roh kepada manusia dan hanya Dia yang mengawal kehidupan, kematian, kutukan dan berkat bagi manusia. Tuhan ini ialah Bapa rohani kita. Jika orang hidup menurut keinginan cara dunia tanpa percaya kepada Tuhan, orang itu tidak dapat memanggil Tuhan "Bapa" (Yohanes 8:44).

Oleh itu, walaupun kita bergaul dengan individu tertentu melalui pertalian darah di dunia ini, kita

tidak akan tinggal di Syurga yang abadi bersama mereka jika mereka tidak percaya kepada Tuhan. Yesus malah mengingatkan kita tentang hal ini dalam Matius 12:50, "Sesiapa melakukan kehendak Bapa-Ku yang di syurga, orang itu saudara lelaki, saudara perempuan, dan ibu-Ku" dan mengajar kita tentang sifat keluarga yang sejati iaitu keluarga rohani.

Kita harus mengasihi dan melayani keluarga jasmani kita tetapi kasih itu mestilah kasih rohani yang sewajarnya pada pandangan Tuhan. Kasih yang sejati tidak tunduk dan mengasihi keluarga yang menghina Tuhan atau hidup dalam cara yang bertentangan dengan kehendak Tuhan.

Katakanlah ibu bapa dan saudara seseorang berkata, "Jangan pergi ke gereja" atau "Ikutlah saya dalam melakukan jenayah itu". Jika orang itu mengikuti mereka, ini bukanlah jalan kasih tetapi jalan kematian. Oleh itu, kita harus mengasihi dan melayani ibu bapa dan saudara jasmani kita dalam batas kebenaran. Tambahan pula, jika kita mempunyai kasih sejati untuk keluarga kita, kita terlebih dahulu perlu menyebarkan injil kepada mereka dan memimpin mereka ke Syurga.

Saudara dan saudari yang saya kasih dalam Kristus, ayat ketiga yang diujarkan oleh Yesus semasa penyaliban mengandung kasih Yesus yang berusaha untuk menghiburkan Maria yang sedang meratap. Tuhan Yesus juga memberitahu kita bahawa semua saudara dan saudari dalam Kristus ialah keluarga kita yang sejati. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus Kristus agar anda dapat memahami hati Tuhan Yesus dengan lebih jelas, lebih lagi mengasihi Tuhan, dan berkongsi kasih rohani dalam Kristus.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaejang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07058)<http://www.manmin.org/english>www.manminnews.comE-mel: manminen@manmin.kr

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Triniti: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

"[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia." (Kisah Rasul-rasul 17:25)
"Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita." (Kisah Rasul-rasul 4:12)

Kristus.

4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.

5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui "Pengakuan Iman Rasul" pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

Sorotan Khas

Untuk Kehidupan Kristian yang Bahagia pada Tahun 2023



Marilah kita mempunyai matlamat yang jelas dalam Tuhan!

Matlamat dalam Tuhan bukanlah sesuatu yang kabur. Jika kita hanya mengikut firman Tuhan, kita pasti akan mencapai matlamat ini. Tuhan Maha Hidup, dan Dia membalaus kita mengikut apa yang telah kita lakukan di bumi ini, dan kerajaan syurga pastinya wujud.

Sekiranya manusia mempunyai matlamat yang jelas yang ingin dicapai oleh mereka dan mempunyai keyakinan dan harapan tentang perkara-perkara yang akan diperoleh mereka dengan mencapai matlamat tersebut, mereka tidak akan teragak-agak untuk mengikut jalan itu dengan segenap kekuatan mereka ke arah mencapai matlamat itu tanpa mengira apa yang akan dilalui oleh mereka.

Tambahan pula, jika kita mempunyai matlamat yang jelas tentang kota Jerusalem Baru iaitu syurga yang paling mulia, kita tidak akan sekali-kali berasa sukar untuk mematuhi perintah Tuhan.

Jika kita menetapkan matlamat ini dalam kehidupan Kristian kita, kita dapat menjalaninya tanpa kesukaran. Jika kita melangkah setapak demi setapak dengan iman dan memberikan kesyukuran atas kasih Tuhan Yesus yang mengorbankan diri-Nya untuk memimpin kita ke Syurga yang kekal, kita akhirnya akan mencapai matlamat itu.

Tuhan memberikan Roh Kudus, Penolong sebagai anugerah kepada orang yang menerima Yesus Kristus dan menerima pengampunan daripada dosa supaya dia dapat diselamatkan, memperoleh kehidupan kekal dan memasuki kerajaan syurga. Dengan pertolongan Roh Kudus, tidak sukar untuk menjalani kehidupan Kristian.

Kita dapat memulihkan gambaran Tuhan yang telah hilang akibat dosa manusia pertama, Adam dan dilahirkan semula sebagai anak-anak yang sejati yang mempunyai hati yang tulus dan iman yang sempurna menyerupai hati Tuhan Yesus (Ibrani 10:22). Ini kerana ada jalan yang mudah walaupun pintu dan jalan yang menghala ke kehidupan sejati adalah sempit dan susah (Matius 7:14).

Ulangan 30:11-14 menyatakan, "Perintah yang aku berikan kepada kamu hari ini tidak terlalu susah ataupun di luar jangkaan... perintah itu ada dengan kamu. Kamu sudah mengetahuinya dan dapat menghafaznya; kamu hanya perlu melakukannya." Semoga tahun ini akan menjadi tahun berkat untuk mencapai kota yang paling mulia di Syurga iaitu Yerusalem Baru melalui kekuatan dengan pertolongan Roh Kudus.

Marilah kita menuju matlamat tanpa berubah-ubah fikiran.

Fikiran yang berubah-ubah merupakan halangan besar dalam kehidupan Kristian. Jika anda tidak mempunyai fikiran untuk berputus asa atau berubah, kehidupan Kristian anda tidak akan menjadi sukar.

Jika anda mempunyai harapan untuk kerajaan syurga yang terbaik, anda akan menyingkirkan semua dusta dalam hati anda untuk menyerupai hati Tuhan Yesus. Sebaliknya, jika anda berfokus kepada dunia ini dan mengejar perkara-perkara duniawi, anda akan mendapati diri anda sukar untuk hidup dalam kebenaran.

Kita berasa bahawa kehidupan Kristian adalah sukar dan sulit kerana kita mempunyai keinginan untuk berputus asa di pertengahan dan mengubah sikap kita. Oleh itu, jika anda menyingkirkan fikiran yang berubah-ubah, kehidupan Kristian akan menjadi jauh lebih mudah. Anda juga akan dapat menyingkirkan dosa-dosa lain dengan mudah.

Sebaik sahaja anda menyingkirkan sikap mudah berubah fikiran dan keinginan untuk berputus asa, pemikiran bahawa sesuatu perkara adalah sukar akan hilang. Anda dengan cepat diubah oleh kuasa dan kekuatan yang diberikan oleh Tuhan.

Marilah kita bergembira dan berbahagia dalam menuju matlamat!

Kita berbahagia menjalani kehidupan Kristian kerana kita mempunyai matlamat untuk memasuki kota Yerusalem Baru iaitu tempat yang paling mulia di Syurga. Namun begitu, apabila dusta dalam hati kita diketahui atau kerana kita tidak benar-benar mahu menyingkirkan dusta, sukar untuk menjalani kehidupan beriman.

Jika anda benar-benar percaya kepada hakikat bahawa anda akan mencapai matlamat anda dan berada lebih dekat dengan kota Yerusalem Baru dengan menyedari dan menyingkirkan dusta, anda dapat menyingkirkan dusta itu dengan gembira dan bahagia.

Oleh itu, apabila anda menyedari dusta dalam hati, singirkannya dengan segera. Anda seharusnya lebih berbahagia sekiranya anda mengetahui banyak perkara yang perlu anda singkirkan. Oleh sebab dusta merupakan kesia-siaan, anda harus menyingkirkannya. Semakin anda menyingkirkan dusta, kehidupan Kristian anda akan menjadi lebih mudah dan lebih bahagia.

Jika anda benar-benar percaya kepada kasih Tuhan, tidak sukar untuk anda menyedari dan menyingkirkan dosa-dosa anda. Mencapai kesucian dengan menyerupai Tuhan Yesus merupakan perkara yang menggembirakan dan membahagiakan.



“Saya sembah daripada radang pergelangan tangan kiri akibat kecacatan ulna”

Diaken Eunsook Jin (Usia 49, Paroki ke-19)

Pada 19 November 2022, pergelangan tangan kiri saya berasa kesemutan dan sakit apabila diregangkan tetapi saya tidak menganggapnya suatu masalah yang besar. Namun begitu, sakit pada tangan kiri saya begitu teruk pada keesokan harinya ketika saya membasuh pinggan sehingga saya mengeluh “Aduh!” lalu pinggan itu terlepas.

Apabila saya menjalani pemeriksaan di hospital, rupanya sakit itu ialah ‘kecacatan ulna’. Ulna ialah bahagian paling dalam antara dua tulang yang membentuk lengan, iaitu dari siku sehingga pergelangan tangan.

Doktor berkata, “Tulang menjadi cacat dan bertembung setiap kali kamu bergerak dan hal ini menyebabkan keradangan. Oleh itu, kamu perlu mengambil ubat, menerima terapi fizikal, dan memakai pendakap untuk mengelakkan tangan kiri kamu daripada bergerak. Ia mengambil masa yang lama kerana tulang telah berubah bentuk, dan pembedahan dapat dilakukan selepas melihat perkembangannya.”

Selepas itu, sakit itu tidak hilang walaupun saya mengambil semua ubat yang ditetapkan. Saya perlu terus memakai pendakap, jadi keadaan ini sangat tidak selesa dan mengecewakan. Tambahan pula, suami saya terpotong saraf ibu jari kirinya semasa bekerja lalu dimasukkan ke hospital selepas pembedahan manakala anak lelaki saya yang kedua memakai kas pada lengannya selama dua minggu. Oleh itu, keadaan ini benar-benar memalukan saya. Mungkin akibat banyak tekanan, mata saya berkedip-kedip dan perut saya terasa sakit seolah-olah saya akan muntah tidak kira sama ada saya makan atau tidak.

Ada satu perkara yang tidak pernah saya lupa dan selalu saya syukuri dan fikirkan. Apabila anak perempuan saya berusia tiga tahun, dia melecur pada lengan kirinya akibat air panas daripada penapis air. Selepas menerima rakaman doa Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee untuk orang sakit dan menyapu air Muan pada lengannya, dia sembah sepenuhnya tanpa sebarang parut (gambar kanan atas).

Merenung kembali rahmat Tuhan, saya memutuskan untuk disembuhkan dalam Perjumpaan Kesembuhan

Ilahi pada bulan November 2022, dan berdoa bersungguh-sungguh dengan pujian. Saya bertaubat dengan linangan air mata memikirkan betapa saya telah menghakimi orang lain, berasa sedih dan membenci orang lain.



Akhirnya pada 25 November, saya menghadiri Ibadat Sepanjang Malam Jumaat yang diadakan sebagai Perjumpaan Kesembuhan Ilahi melalui GCN. Apabila Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, berdoa untuk orang sakit, saya menerima doa itu dengan bersungguh-sungguh. Selepas doa itu, saya cuba untuk menggerakkan pergelangan tangan kiri tetapi langsung tiada rasa sakit. Selain itu, gejala mata berkedip-kedip, sakit perut dan rasa loya yang membuatkan saya terasa ingin muntah hilang sepenuhnya. Haleluyah!

Untuk memulihkan kasih pertama saya, saya berusaha keras untuk setia dan melayani, rindu untuk memuliakan Tuhan dengan kesaksian saya bertemu dan mengalami karya Tuhan. Kemudian, Tuhan memberikan jawapan kepada saya. Dia juga memberikan hadiah kepada saya sebagai bonus.

Saya mengalami gejala mata kering yang teruk selama 3 tahun, jadi saya perlu ada kekuatan pada mata saya. Oleh itu, setiap kali saya sakit kepala, saya perlu mengambil Tylenol, iaitu 2 biji pada waktu pagi dan 2 biji pada waktu malam.

Pakar oftalmologi di hospital universiti mengatakan bahawa mata kering saya begitu teruk sehingga tidak seperti mata manusia. Dia juga mengatakan bahawa semua yang kelihatan putih di sekeliling mata putih saya merupakan keradangan, dan sukar untuk pulih sekiranya mata rosak. Oleh itu, saya mesti terus menerima rawatan.

Namun begitu, gejala mata kering saya bertambah baik selepas saya menerima doa, seolah-olah butir pasir di dalam mata telah hilang lalu mata saya berasa selesa. Saya tidak terfikir untuk sembah daripada gejala mata kering kerana saya hanya menerima doa untuk sembah daripada kesakitan pergelangan tangan kiri tetapi Tuhan juga menyembuhkannya. Melalui hal ini, saya merasakan kasih Tuhan yang baik dan lembut yang membolehkan saya untuk maju ke hadapan dengan segenap kekuatan saya.

Saya memberi segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Triniti Yang Maha Kasih yang mengetahui keadaan dan hati saya serta memberkati saya dengan jawapan dan kesembuhan.



Anak perempuannya sembah daripada lecur pada tangan kiri selepas doa